

Taman terindah dunia

Metro 12/5/12 MS 4

Keukenhof ada lebih 7 juta bunga tulip daripada 100 jenis



**TAMAN
GLOBAL**

>>Susunan Hartini Mohd Nawi
tini@hmetro.com.my

● **SUZHOU, CHINA**

TAMAN ini mempunyai ciri-ciri klasik oriental sejak abad ke -11 lagi.

Antara yang terkenal ialah Lingerin Garden yang dilatari tanaman bonsai, batu-batuan, perairan, dan elemen hiasan bersejarah.

● **THE UNITED STATES BOTANIC GARDEN, WASHINGTON**

Hari ini, taman nasional tertua yang terletak di ibu kota Amerika Syarikat ini dikunjungi sejuta orang setiap tahun.

Ia menciptakan situasi semula jadi dari pemandangan hijau landskap, hutan hingga hamparan padang yang indah.

● **THE SKAGIT VALLEY, WASHINGTON**

Ia antara taman yang wajib anda kunjungi.

Pelbagai bunga-bunga boleh ditemui termasuk tulip dan daffodils.

● **THE DALLAS ARBORETUM, AMERIKA SYARIKAT**

Dicipta kira-kira 30 tahun lalu.

Lokasi Jonsson Color Garden antara yang popular.

● **THE MISSOURI BOTANICAL GARDEN, ST. LOUIS**

Ditemui pada 1859 dengan keluasan 79 hektar dengan pemandangan indah bunga yang berwarna warni.

Rasai pengalaman berbeza di taman ini.

Landskap yang indah membuatnya menjadi sebutan.

● **GRANT PARK, CHICAGO**

Sering menjadi tumpuan dunia dan lokasinya di tengah kota membuatnya



HIJAU...Taman Suzhou dengan kehebatan alamnya.



**SAUJANA MATA MEMANDANG...**

The Skagit Valley

**TERAPI...**The Huntington Botanical Gardens.**KEINDAHAN ALAM...**

The New York Botanical Garden.

menjadi tumpuan.

Taman ini sering mengadakan pameran saban tahun.

● **THE HUNTINGTON BOTANICAL GARDENS, SAN MARINO, CALIFORNIA.**

Taman bunga ini berada di luar Los Angeles dan asalnya kawasan pertanian. Ia mempunyai lebih daripada 14,000 jenis tanaman seperti bunga lily dan mawar.

● **CHANTICLEER, WAYNE, PENNSYLVANIA**

Asalnya taman bunga ini milik persendirian keluarga Rosengarten.

Tulip dan lily antara bunga yang paling banyak di taman ini.

● **MIRABELL PALACE, SALZBURG, AUSTRIA**

Taman ini terkenal dengan gaya The Baroque sejak abad ke-17.

Mempunyai bunga-bunga rona ungu, kuning, putih, orang, merah jambu dan merah.

Turut popular sebagai taman yang mengilhamkan ciptaan lagu buat anda.

● **THE NEW YORK BOTANICAL GARDEN, AMERIKA**

Metro

12/5/12 ms 5.

Antara taman yang digelar syurga tropika dengan pameran bunga anggerik saban tahun.

● **ROYAL BOTANIC GARDENS, KEW, UNITED KINGDOM**

Turut dikenali Taman Bunga Kew dan mempunyai keluasan lebih dari 300 hektar.

Mempunyai koleksi tanaman terbesar di dunia.

● **GOLDEN GATE PARK, SAN FRANCISCO**

Pelbagai bunga dari negara luar dapat anda saksikan di taman ini.

Ia termasuk bunga tulip Belanda dan bunga asli California.

● **KEUKENHOF, BELANDA**


Taman tulip terbesar di Belanda.

Lebih daripada 7 juta bunga tulip dalam 100 jenis ditanam taman seluas 80 hektar itu.

● **BUTCHART GARDENS, VICTORIA, BRITISH COLUMBIA**

Ratusan ribu bunga-bunga mekar dengan pelbagai warna di taman itu.

Keindahan landskapnya benar memukau dan luar biasa.

**INSPIRASI...**

Butchart Gardens.

**WARNA ALAM...**

Golden Gate Park.

**MEMUKAU PANDANGAN...**

hamparan tulip di Keukenhof.